

'Apa-apa saja boleh berlaku' dalam tempoh peralihan jawatan — PM

9 JUL 2002

KUCHING 8 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan "apa-apa sahaja boleh berlaku" termasuk rombakan Kabinet dalam tempoh masa peralihan jawatan beliau selaku Perdana Menteri sehingga Oktober tahun depan.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak mengulas lebih lanjut, namun sempat berjenaka dengan berkata, "Saya mungkin akan lantik wartawan...ada calon...kita buka (pencalonan) sekarang."

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Bangunan Masja milik Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak di sini, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas apakah akan ada rombakan kabinet setelah beliau menyatakan kemungkinan untuk melepaskan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Semasa di Bangkok kelmarin, Dr. Mahathir membayangkan kemungkinan

akan melepaskan jawatan Menteri Kewangan dan melantik orang lain untuk tugas itu.

Sementara itu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang hadir sama dalam sidang akhbar tersebut, turut ditanya sama ada beliau telah memikirkan kemungkinan bersara daripada politik selepas 21 tahun menerajui kerajaan negeri.

Beliau menjawab, "Saya akan beritahu apabila tiba masanya kelak."

Abdul Taib turut dipilih semula sebagai Presiden PBB untuk penggal 2002-2005 selepas menang tanpa bertanding.

Terdahulu, Dr. Mahathir pada ucapan perasmian Perhimpunan Agung PBB ke-10 di Santubong hari ini berkata, "Apa sahajanya diteruskan pemimpin yang sama kalau beliau masih mendapat sokongan rakyat. Kalau tidak, barulah undur diri."

Perdana Menteri bagaimanapun menjelaskan,

keputusan beliau meletak jawatan bukan bermakna tidak lagi popular, sebaliknya ia bersandarkan kepada hakikat beliau telah lama memegang jawatan tersebut dan ingin memberi peluang kepada orang lain.

Sementara Dr. Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menghadiri majlis makan malam di Santubong Resort di sini malam ini sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur.

Ketika berucap di majlis itu, Perdana Menteri berkata beliau yakin bahawa seluruh rakyat termasuk di Sarawak akan memberi sokongan padu kepada kerajaan dan penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, negara masih memerlukan sebuah kerajaan kuat dan padu untuk membawa kemajuan lebih pesat kepada Malaysia sekaligus dikenali peringkat dunia.